

NO. SOALAN: 67

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI WEE JECK SENG
[TANJONG PIAI]**

TARIKH : 27 JULAI 2017

RUJUKAN : 9979

SOALAN:

Dato' Sri Wee Jeck Seng [Tanjong Piai] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan statistik bilangan jumlah lesen agensi persendirian yang diberikan kepada syarikat keselamatan dan jumlah bilangan polis bantuan ataupun "auxiliary police" di negara kita.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 17 Julai 2017 terdapat 244 Agensi yang menggunakan khidmat Polis Bantuan atau *Auxiliary Police* dengan jumlah kekuatan seramai 30,418 Pegawai dan Anggota.

Bagi lesen agensi persendirian yang dikeluarkan di bawah Akta Agensi Persendirian 1971, sebanyak 823 lesen telah diberikan kepada syarikat-syarikat kawalan keselamatan di seluruh Malaysia sehingga 17 Julai 2017.

SOALAN (68)**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 27 JULAI 2017
[KHAMIS]**

**DARIPADA : YB DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI
[GOMBAK]**

SOALAN :

YB DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI [GOMBAK] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah jaminan Kerajaan Persekutuan untuk tidak menghukum Kerajaan Sarawak dengan menggunakan Akta Kemajuan Petroleum 1974 dan Akta Wilayah Laut 2012 terhadap Petroleum Sarawak (Petras).

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Sarawak dan PETRONAS sentiasa berbincang dan bekerjasama dalam membuat kajian dan penilaian daripada segi teknikal dan komersil bagi membangunkan sektor minyak dan gas di Sarawak. Buat masa ini, bentuk hubungan dan kaedah kerjasama antara Kerajaan Negeri Sarawak dan PETRONAS untuk penglibatan dalam sektor minyak dan gas di negeri Sarawak masih di peringkat perbincangan.

Ingin ditegaskan bahawa peluang serta penglibatan Kerajaan Negeri Sarawak mahupun syarikat-syarikat Sarawak di dalam bidang minyak dan gas telah wujud dan tidak pernah terjejas meskipun dengan adanya Akta Kemajuan Petroleum 1974 dan Akta Wilayah Laut 2012. Sehingga kini, terdapat 439 syarikat milik Sarawak yang telah berdaftar sebagai pembekal kepada PETRONAS.

Sekian, terima kasih.

27 Julai 2017